

Headline	Lupus 189 perkakas elektrik tidak selamat		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	31 Mar 2018	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	179,231
Page No	37	Readership	537,693
Language	Malay	ArticleSize	129 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,062
Frequency	Daily	PR Value	RM 15,186



## Lupus 189 perkakas elektrik tidak selamat

**Putrajaya:** Sebanyak 189 unit perkakasan elektrik dilupuskan selepas didapati gagal mematuhi beberapa syarat ditetapkan Suruhanjaya Tenaga (ST) termasuk tidak mempunyai label keselamatan ST-SIRIM.

Pengarah Kawal Selia Keselamatan Elektrik ST Mohd Elmi Anas berkata, pihaknya mengarahkan tiga syarikat pengimport supaya melupuskan kelengkapan elektrik berkenaan kerana didapati tidak selamat untuk digunakan.

Beliau berkata, semua pengimport kelengkapan elektrik berkenaan tidak mendapatkan perakuan kelulusan dan mematuhi syarat ditetapkan sebelum membawa masuk kelengkapan elektrik itu.

“Kami menasihati pengimport supaya memastikan kelengkapan elektrik yang diimport sama seperti diisyithar dan dinyatakan dalam laporan ujian keselamatan.

“Kelengkapan elektrik yang gagal ujian keselama-

tan dan tiada label keselamatan atau kecekapan teknologi tidak dibenarkan dipasarkan di negara ini,” katanya dalam kenyataan disini, semalam.

Katanya, jika produk kelengkapan elektrik berkenaan gagal mematuhi tahap keselamatan berkenaan, ia perlu dikembalikan ke negara asal atau dilupuskan.

Mohd Elmi berkata, jika kelengkapan elektrik itu dikeluarkan dari gudang simpanan dan dijual kepada pengguna, pengimport di-

kehendaki menyiarkan notis penarikan balik dalam akbar tempatan.

Menurutnya, antara kelengkapan elektrik yang dilupuskan termasuk ketuhar, mesin basuh dan pengering, hud dapur, pengisar makanan, cerek elektrik, mesin basuh dan periuk nasi membabitkan nilai pasaran RM130,000.

“Semua kelengkapan itu dimusnahkan di gudang simpanan di Puchong, Petaling Jaya dan Shah Alam, Selangor,” katanya.